

BN perlu mandat kukuh

Untuk laksana banyak lagi perkara baik bagi rakyat: PM

PUTRAJAYA

Mandat yang kukuh untuk BN pada PRU14 akan menjadi kunci bagi melaksanakan lebih banyak lagi perkara baik untuk rakyat Malaysia dan membawa negara ke tahap yang lebih tinggi, kata Datuk Seri Najib Tun Razak.

"Apa yang saya minta bukan sahaja kemenangan tetapi juga (keperluan) kepada sebuah kerajaan yang kuat agar kami dapat menyampaikan lebih banyak lagi untuk rakyat," kata perdana menteri kepada editor kanan di pejabatnya di sini, semalam.

Pengerusi BN menyatakan keazamannya jadikan Malaysia antara negara terkemuka di dunia dengan pertumbuhan ekonomi yang kukuh dan memberi manfaat kepada lebih 30 juta penduduknya.

"Saya mahu Malaysia menjadi negara tahap pertama dan saya benzam untuk kita dapat mencapainya," kata Najib yang menjadi perdana menteri sejak 2009.

Najib, yang akan mengetuai BN dalam pilihan raya umum yang disifatkan sebagai 'ibu bagi semua pilihan raya', percaya mandat yang kukuh daripada rakyat untuk BN akan terus mengukuhkan



Najib berharap dapat mandat lebih kukuh dari rakyat.

Kami telah laksanakan dan kami punyai rekod kejayaan sejak lima tahun lalu."

kedudukan ringgit dan menggalakkan Bursa Malaysia serta pelaburan asing.

Mengenai manifesto BN yang akan dilancarkan Sabtu ini, Najib berkata mesej utama ialah untuk mengajak rakyat bersama BN dalam agenda Menghebatkan Malaysia.

"Kami telah melaksanakannya dan kami mempunyai rekod kejayaan sejak lima tahun lalu. Malah, sebelum itu kami telah laksanakannya. Jika anda lihat fakta-fakta yang nyata, kami telah melaksanakannya. Fakta itu tidak dapat dinafikan," tegasnya.

Najib juga berkata semasa

pentadbiran beliau, enonomi negara berjaya diurus dengan baik meskipun dunia dilanda cabaran ekonomi berpunca daripada krisis dikenali sebagai subprime mortgage atau kejatuhan luar biasa pasaran jual beli hutang di Amerika Syarikat dan berikutan penurunan harga petroleum dunia.

Malah, menurut perdana menteri, mata wang ringgit yang semakin mengukuh sekarang pada kadar RM3.86 berbanding dolar Amerika adalah berdasarkan sentimen pasaran dan fundamental, bukan sesuatu yang 'artificial' (buatan) seperti yang berlaku pada zaman pentadbiran Tun Dr Mahathir Mohamad.

Oleh itu, kata Najib, BN mahu menumpukan kepada agenda masa depan negara untuk memastikan Malaysia terus berada di hadapan dan tidak ketinggalan berbanding

PM akui impak media sosial pengaruhi pengundi

PERDANA Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak turut mengakui peranan dan impak media sosial pada PRU14, terutama pendapat disebarikan boleh pengaruhi tingkah laku pengundi.

Menurutnya, sesetengah pendapat disebarikan melalui media sosial tidak semestinya pendapat majoriti kerana kadangkala ia hanya pandangan minoriti, manakala ada juga pendapat betul dan salah.

Katanya, pembangkang dijangka terus meracuni rakyat, mengatakan BN akan melakukan penipuan untuk menang PRU14, namun beliau menegaskan sistem pilihan raya sekarang adalah sama, malah lebih telus berbanding dahulu.

"Tidak ada cara kami nak menipu. Di tempat mengundi, wakil pembangkang pun ada. Jika ada 40,000 rakyat Bangladesh, pasti mereka tidak terlepas," katanya, menujuk kepada berita palsu menyatakan BN membawa masuk warga asing sebagai pengundi hantu yang disebarikan pembangkang pada PRU13.

Najib berkata, pembangkang sengaja menimbulkan berita tidak benar untuk menyalahkan BN.

Mengenai calon BN, Najib mengakui bukan senang memilih calon sesuai kerana

seorang yang popular di dalam parti tidak semestinya popular dalam kalangan pengundi, begitu juga sebaliknya.

Ditanya sentimen rakyat semasa kunjungan beliau ke seluruh negara akhir-akhir ini, Najib berkata, beliau mendapati 'mood' mereka lebih baik berbanding PRU lalu.

"Saya tidak mengesan mood untuk tukar kerajaan. Saya rasa moodnya lebih baik berbanding pilihan raya lepas," katanya, sambil menambah sudah pasti tidak ada tsunami Melayu.

Sementara itu, Najib tidak menjawab pertanyaan mengenai tarikh pembubaran Parlimen. Mengenai kemungkinan BN menang semula negeri dikuasai pembangkang beliau berkata, peluang tetap ada lebih-lebih lagi jika calon dipilih adalah alternatif lebih baik berbanding calon pembangkang.

"Ia masih satu cabaran untuk memenangi semula Selangor, namun ia tidak mustahil. Kita mesti mewujudkan faktor 'wow' dan mencari seseorang yang boleh memimpin Selangor. BN akan kenal pasti calon sesuai bagi tujuan ini," katanya.

Menjawab pertanyaan lain, Najib berharap rakyat menerima dan menghargai segala usaha dilakukan kerajaan. - *Bernama*

negara lain.

"Sebab itu, saya mahu mandat (lebih kukuh), mandat baharu daripada rakyat," katanya mengenai bentuk kemenangan pilihan raya yang diperlukan untuk menghebatkan lagi pencapaian Malaysia di bawah payung BN.

Menyentuh serangan pembangkang termasuk Tun Dr Mahathir Mohamad menjelang pilihan raya kali ini,

Najib berkata stail kempen politik bekas perdana menteri itu adalah bersifat ekstrem.

"Stail Mahathir adalah pergi kepada ekstrem. Apa yang dia tidak kata piasal (Datuk Seri) Anwar (Ibrahim) dulu. Begitu juga kepada Pak Lah (Tun Abdullah Ahmad Badawi). Sekarang dia kata pada saya, modus operandi yang sama," katanya.

Najib berkata kebanyakan

serangan Dr Mahathir terhadapnya terlalu diperbesar-besarkan, termasuk mengenai isu-isu seperti IMDB.

Malah, kata Najib, Anwar yang kini bersama Dr Mahathir dalam pakatan pembangkang, juga dalam kempen-kempen politik itu ketika dulu selalu membangkitkan pelbagai tuduhan terhadap Dr Mahathir dan anak-anak beliau. - *Bernama*